

# The Observer

14.07.2023

## ❖ Pelantikan pengarah wanita dalam lembaga pengarah banyak manfaatnya

Menurut laporan Pemantauan Tadbir Urus Korporat (Corporate Governance, CG) Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission, SC) tahun 2022, penyertaan wanita dalam lembaga pengarah dalam kesemua syarikat awam tersenarai Malaysia (public limited companies, PLC) meningkat sebanyak 8.5% dari tahun 2016 hingga tahun 2022. Kira-kira 34% daripada individu yang dilantik menganggotai lembaga pengarah PLC pada tahun 2022 adalah wanita dan 80% daripada pengarah wanita ini dilantik untuk memegang jawatan pengarah bebas. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai wanita dilantik sebagai pengarah bebas PLC pada tahun 2022.

Sejak akhir-akhir ini, pengarah bebas wanita amat dicari untuk mengisi jawatan lembaga pengarah. Sudah tiba masanya lembaga pengarah PLC, yang majoritinya didominasi lelaki, mengakui bahawa wanita memainkan peranan yang penting dalam lembaga pengarah kerana pelantikan pengarah wanita membawa pelbagai manfaat.

### **Mematuhi Syarat-syarat Penyenaraian**

Tanggal 1 Jun 2023 sudah berlalu, menandakan bermulanya tarikh penguatkuasaan Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia yang menghendaki kesemua PLC mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita dalam lembaga pengarahnnya. Syarat itu diperkenalkan pada Januari 2022 dan berkuat kuasa pada 1 September 2022 untuk PLC yang mempunyai permodalan pasaran berjumlah RM2 bilion dan ke atas pada 31 Disember 2021. Bagi PLC selebihnya, syarat itu berkuat kuasa pada 1 Jun 2023. Oleh itu, PLC yang melantik wanita sebagai pengarah secara automatik menandakan pematuhan mereka terhadap Syarat Penyenaraian.

### **Kepelbagaian jantina**

Kehadiran wanita sebagai pengarah bebas dalam lembaga pengarah PLC dapat memupuk kepelbagaian. Dengan komposisi lembaga yang tepat, lembaga pengarah yang pelbagai mampu membuat keputusan yang lebih baik kerana kehadiran pengarah lelaki dan wanita akan membawa perspektif, proses pemikiran dan pendekatan yang berbeza kepada pengurusan dan risiko yang berorientasikan ganjaran. Ini dapat mengelakkan pemikiran kelompok (*groupthink*) yang didominasi lelaki dalam proses membuat keputusan. Keputusan lembaga pengarah dapat dilaksanakan secara lebih objektif demi kepentingan terbaik PLC, dengan mengambil kira perspektif dan pandangan berbeza yang ditawarkan oleh kepelbagaian jantina.

Secara tidak langsung, syarikat tersebut akan mengaplikasikan Amalan 5.5 Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (*Malaysian Code on Corporate Governance, MCCG 2021*) dengan berkesan.

Tambahan pula, Bursa Malaysia sentiasa mempromosikan kepelbagaian dalam semua PLC dan ini dapat dilihat dalam Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Bursa Malaysia yang dipertingkatkan.

Bermula dari tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, PLC yang tersenarai dalam Pasaran Utama dikehendaki mengurus kepelbagaian secara berkesan dalam organisasi masing-masing, dengan melaksanakan dasar, proses dan inisiatif yang berkaitan untuk menggalakkan kepelbagaian, seterusnya membuat penzahiran yang sepadan dalam Penyata atau Laporan Kemampanan syarikat masing-masing.

Sementara itu, PLC yang tersenarai dalam Pasaran ACE akan tertakluk kepada syarat ini mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025. Bagi meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti, Bursa Malaysia mewajibkan semua PLC melaporkan peratusan pengarah mengikut jantina dan kumpulan usia, peratusan pekerja mengikut jantina dan kumpulan umur bagi setiap kategori pekerja.

### **30% wanita dalam Lembaga Pengarah**

Apabila PLC menambah seorang pengarah bebas wanita ke dalam lembaga pengarah, bermakna mereka semakin hampir mencapai matlamat dalam Amalan 5.9 MCCG 2021 yang menyatakan bahawa lembaga pengarah PLC perlu terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.

Laporan Pemantauan CG SC 2022 menegaskan bahawa, setakat 1 Oktober 2022, 224 daripada 959 PLC yang disenaraikan di Bursa Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya 30% wanita dalam lembaga pengarah, berbanding 177 PLC pada Disember 2021.

Nampaknya masih banyak yang perlu dilakukan ke arah mencapai sasaran aspirasi 30% wanita dalam lembaga pengarah.

### **Penyelesaian kepada penggantian pengarah bebas yang telah lama memegang jawatan**

Akhirnya, pindaan terhadap Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia yang mengenakan had tempoh 12 tahun untuk pengarah bebas mulai berkuat kuasa pada 1 Jun 2023 apabila MCCG 2021 mengesyorkan supaya lembaga pengarah menetapkan had tempoh sembilan tahun untuk pengarah bebas.

Jika pengarah yang sudah lama memegang jawatan itu adalah lelaki, menggantikan mereka dengan pengarah wanita akan menyelesaikan dua isu serentak iaitu isu pengarah yang telah lama berkhidmat dan isu kepelbagaian jantina.

### **Kesimpulan**

Secara tuntas, dengan melantik pengarah wanita, sebaik-baiknya sebagai pengarah bebas, bermakna sesebuah PLC sudah berjaya menandakan banyak kotak dalam

senarai pematuhan. Keahlian lembaga yang pelbagai mengikut jantina dan kemahiran juga menunjukkan usaha ke arah tadbir urus yang lebih baik.

Bagaimanapun, persekitaran kawal selia yang sentiasa berubah-ubah dan peraturan yang semakin ketat dengan penelitian terhadap pengarah bebas mungkin menjadi batu penghalang bagi wanita yang berkelayakan daripada memegang jawatan tersebut, lebih-lebih lagi jika imbuhan yang ditawarkan tidak setimpal dengan tanggungjawab dan tugas yang bakal dipikul.

Pengarah bebas wanita perlu diberikan imbuhan yang adil dan setimpal berdasarkan sumbangan mereka kepada lembaga pengarah dan pada tahap yang setanding dengan pengarah lelaki. Jika anda mahukan individu dan perkhidmatan yang berkualiti, maka anda perlulah bersedia untuk membayar imbuhan yang sewajarnya.

**Elaine Choo**  
**Pengurus, Pemantauan Korporat**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 17 hingga 21 Julai 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
18.07.23 (Selasa) 09.30 pagi	AYS Ventures Berhad (AGM)	AYS mencatatkan pertumbuhan pendapatan dua tahun berturut-turut sebanyak 17.67% kepada RM1.314 bilion bagi tahun kewangan berakhir 2023 (tahun kewangan berakhir 2022: RM1.1 bilion). Pertumbuhan ini disumbangkan oleh segmen Perdagangan dan Perkhidmatan serta segmen Pembuatan.  Bagaimanapun, terdapat penurunan dalam keuntungan operasi iaitu berjumlah RM73.1 juta (tahun kewangan berakhir 2022: RM155.0 juta) terutamanya disebabkan oleh margin untung kasar yang lebih rendah serta peningkatan dalam perbelanjaan jualan dan pengagihan.
18.07.23 (Selasa) 10.00 pagi	Sapura Resources Berhad (AGM)	Pendapatan Sapura Resources berjumlah RM53.3 juta pada tahun kewangan 2023, mencerminkan peningkatan sebanyak 18% berbanding RM45.2 juta pada tahun sebelumnya.

		<p>Sementara itu, Kumpulan kembali menjana keuntungan dengan untung sebelum cukai sebanyak RM79.7 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding kerugian berjumlah RM268.8 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Prestasi yang bertambah baik terutamanya disumbangkan oleh pembalikan rosot nilai ke atas aset Permata Sapura MLA berjumlah RM122.9 juta dan keuntungan tidak berulang daripada pengiktirafan pajakan kewangan belum terima menurut MFRS 16 yang berjumlah RM35.2 juta.</p>
21.07.23 (Jumaat) 10.30 pagi	Green Ocean Corporation Berhad (EGM)	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan mempelbagaikan perniagaan sedia ada Green Ocean dan anak-anak syarikatnya untuk memasukkan pengedaran dan perdagangan makanan dan minuman serta perkhidmatan makanan. Selain itu, kelulusan pemegang saham juga diperlukan untuk mendapatkan mandat pemegang saham baharu bagi cadangan transaksi berulang pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
AYS Ventures Berhad (AGM)	<p>Walaupun pendapatan meningkat kepada RM1,313.765 juta pada tahun kewangan 2023 (tahun kewangan 2022: RM1,116.486 juta), untung selepas cukai (<i>profit after tax, PAT</i>) AYS pada tahun kewangan 2023 menyusut kepada RM42.033 juta berbanding RM116.524 juta pada tahun kewangan 2022. Penurunan ini agak ketara iaitu sebanyak RM74.491 juta atau 63.93% disebabkan persekitaran operasi yang mencabar serta penurunan jangka panjang harga keluli global sepanjang tahun 2022 (Halaman 34, Laporan Tahunan 2023).</p> <p>Bagaimanakah Lembaga Pengarah merancang untuk menangani penyusutan dalam keputusan kewangan, termasuk cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan?</p>
Sapura Resources Berhad (AGM)	Kumpulan berjaya mendapatkan subpenyewaan untuk 16% daripada ruang pejabat di bawah Perjanjian Pajakan Induk ini ( <i>Master Lease Agreement, MLA</i> ). (Halaman 15, Laporan Tahunan)

	<p>a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan untuk memajakkan Lot 91 KLCC (Permata- Sapura)?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk menarik lebih ramai penyewa ke Permata Sapura? Adakah langkah ini berjaya dari segi kadar pengambilan penyewa? Sila huraikan.</p> <p>c) Berapakah pendapatan sewa daripada Permata Sapura pada tahun kewangan 2023?</p> <p>d) Berapakah kadar pengambilan penyewa semasa Permata Sapura setakat Jun 2023?</p>
--	--

#### **PEMANTAUAN KORPORAT MSWG**

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.
- 

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.